

**TEMPLATE SOROTAN LITERATUR BAGI PENGAJIAN PASCA  
SISWAZAH PENGAJIAN ISLAM (TSL-PI)**

***LITERATURE REVIEW TEMPLATE FOR POSTGRADUATE ISLAMIC  
STUDIES (TSL-PI)***

**Muhammad Yusri Yusof @ Salleh<sup>a\*</sup>, Masthurhah Ismail<sup>b</sup>, Khafizatunnisa' Jaapar<sup>c</sup>,  
Mohamad Zaim Ismail<sup>d</sup> & Mohd Syukri Mohd Noor<sup>e</sup>**

<sup>a</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-Mail: yusri613@uitm.edu.my)

<sup>b</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-Mail: masth080@uitm.edu.my)

<sup>c</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-Mail: khafiz920@uitm.edu.my)

<sup>d</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-Mail: mohamadzaim@uitm.edu.my)

<sup>e</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-Mail: syukri484@uitm.edu.my)

*\*Corresponding Author*

**Article history**

**Received date** : 15-1-2026  
**Revised date** : 25-1-2026  
**Accepted date** : 15-2-2026  
**Published date** : 12-3-2026

**To cite this document:**

Salleh, M.Y.Y., Ismail. M., Jaapar, K., Ismail, M.Z. & Noor, M.S.M (2026). Template sorotan literatur bagi Pengajian Pasca Siswazah Pengajian Islam (TSL-PI). *Islamic Journal Of Cultural Studies (IJCS)*, 2(1), 30-41.

---

**Abstrak:** Sorotan literatur merupakan komponen asas dalam penyelidikan pasca siswazah kerana ia menentukan kekuatan justifikasi akademik serta kedudukan sesuatu kajian dalam tradisi keilmuan yang sedia ada. Dalam konteks Pengajian Islam, penyusunan sorotan literatur menjadi lebih kompleks kerana melibatkan hierarki sumber yang merangkumi al-Qur'an, al-Sunnah, karya turath dan kajian kontemporari. Namun demikian, amalan sorotan literatur dalam kalangan pelajar pasca siswazah masih cenderung bersifat deskriptif dan kurang sintesis analitik yang sistematik. Artikel ini bertujuan membangunkan Template Sorotan Literatur Pengajian Pasca Siswazah Pengajian Islam (TSL-PI) sebagai satu kerangka berstruktur yang dapat memperkukuh kualiti analisis literatur. Kajian ini menggunakan pendekatan konseptual melalui analisis literatur metodologi dan sintesis pedagogi penyelidikan. TSL-PI dibangunkan berasaskan empat komponen utama iaitu pemetaan sumber ilmu, pengelompokan tematik, analisis perbandingan dan kritikal serta sintesis jurang kajian. Dapatan konseptual menunjukkan bahawa template ini berpotensi

*berfungsi sebagai instrumen epistemologi, metodologi dan pedagogi dalam mempertingkatkan kejelasan analisis literatur serta pembinaan justifikasi kajian. Model ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembudayaan penyelidikan yang lebih sistematik, kritikal dan bersepadu dalam bidang Pengajian Islam.*

**Kata kunci:** Sorotan literatur, metodologi penyelidikan Islam, pasca siswazah, epistemologi Islam, pedagogi penyelidikan

**Abstract:** *Literature review constitutes a fundamental component in postgraduate research as it determines the strength of academic justification and the positioning of a study within existing scholarly traditions. In the context of Islamic Studies, the construction of a literature review is more complex due to the hierarchical nature of its sources which include the Qur'an, Sunnah, classical turath works and contemporary research. Nevertheless, postgraduate students' literature reviews often remain descriptive and lack systematic analytical synthesis. This article aims to develop a Structured Literature Review Template for Postgraduate Islamic Studies (TSL-PI) as a comprehensive framework to enhance the quality of literature analysis. Employing a conceptual approach through methodological literature analysis and pedagogical synthesis, the study proposes a model based on four principal components: mapping of knowledge sources, thematic categorisation, comparative and critical analysis and synthesis of research gaps. Conceptual findings suggest that the template functions as an epistemological, methodological and pedagogical instrument in strengthening analytical clarity and research justification. The model is expected to contribute to the cultivation of a more systematic, critical and integrated research culture within the discipline of Islamic Studies.*

**Keywords:** *Literature review, Islamic research methodology, postgraduate studies, Islamic epistemology, research pedagogy*

## PENDAHULUAN

Sorotan literatur merupakan komponen asas dalam penyelidikan akademik kerana ia berfungsi sebagai asas epistemologi yang membina kerangka konseptual sesuatu kajian (Susilawati et al., 2025). Dalam konteks pengajian pasca siswazah, sorotan literatur bukan sekadar himpunan ringkasan kajian terdahulu, bahkan menjadi medan analisis kritikal bagi menilai perkembangan ilmu, mengenal pasti jurang penyelidikan serta memposisikan kajian baharu dalam tradisi keilmuan yang sedia ada (Lim et al., 2022). Kegagalan memahami fungsi ini menyebabkan sorotan literatur sering disusun secara deskriptif dan bersifat kompilasi, tanpa sintesis analitik yang jelas. Dalam disiplin Pengajian Islam, cabaran ini menjadi lebih kompleks. Hal ini demikian kerana sumber rujukan tidak terbatas kepada artikel jurnal kontemporari, bahkan merangkumi karya turath, teks fiqh klasik, tafsir, syarah hadis, fatwa semasa, dokumen polisi agama serta kajian antara disiplin. Kepelbagaian sumber tersebut menuntut kemahiran pemetaan ilmu yang sistematik agar wacana klasik dan kontemporari dapat dihubungkan secara kritikal dan koheren (Denney & Tewksbury, 2013; Wee & Banister, 2016)). Namun begitu, dapatan tidak formal melalui pemerhatian pedagogi menunjukkan bahawa sebahagian pelajar pasca siswazah Pengajian Islam masih cenderung menyusun sorotan literatur dalam bentuk naratif kronologi tanpa analisis tematik, perbandingan metodologi atau sintesis jurang kajian yang mantap.

Kelemahan ini bukan sahaja menjejaskan kualiti tesis, bahkan memberi implikasi terhadap pembinaan tradisi penyelidikan Islam yang bersepadu. Sorotan literatur yang tidak terstruktur menyebabkan persoalan kajian kelihatan terpisah daripada wacana ilmiah terdahulu, sekali gus melemahkan justifikasi akademik sesuatu penyelidikan (Knopf, 2006). Dalam jangka panjang, keadaan ini boleh menghambat perkembangan disiplin Pengajian Islam sebagai bidang ilmu yang responsif terhadap realiti semasa dan berupaya berdialog dengan pendekatan metodologi kontemporari. Sehubungan itu, keperluan terhadap suatu template sorotan literatur yang berstruktur dan kontekstual bagi Pengajian Islam menjadi semakin mendesak. Template ini berperanan sebagai instrumen pedagogi dan metodologi yang membantu pelajar menyusun literatur secara sistematik, mengenal pasti tema utama, membandingkan pendekatan klasik dan kontemporari, serta mensintesis jurang kajian secara jelas. Pembangunan template sedemikian bukan sahaja memperkukuh kualiti penyelidikan pasca siswazah, bahkan berpotensi menyumbang kepada pembudayaan amalan penyelidikan yang lebih analitik dan reflektif dalam tradisi keilmuan Islam ( Shahrizal et al, 2024; Salleh et al, 2025). Artikel ini bertujuan untuk membangunkan dan menganalisis satu Template Sorotan Literatur bagi Pengajian Pasca Siswazah Pengajian Islam sebagai instrumen sistematik yang dapat memperkasakan struktur analisis literatur. Perbincangan dimulakan dengan mengupas kepentingan sorotan literatur dalam penyelidikan Islam, diikuti analisis terhadap kelemahan amalan sedia ada, sebelum mengemukakan cadangan template berstruktur beserta implikasi pedagoginya.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Perkembangan pendidikan pasca siswazah dalam bidang Pengajian Islam di Malaysia dan rantau Nusantara menunjukkan peningkatan yang signifikan dari segi jumlah pelajar, kepelbagaian bidang pengkhususan serta orientasi metodologi penyelidikan. Bidang ini tidak lagi terhad kepada kajian normatif berasaskan teks klasik bahkan berkembang kepada pendekatan interdisiplin yang melibatkan sosiologi agama, pendidikan Islam, fiqh kontemporari, maqasid al-shariah, pengurusan Islam dan kajian budaya. Perkembangan ini menuntut tahap kematangan penyelidikan yang lebih tinggi khususnya dalam aspek pembinaan kerangka teori dan sorotan literatur (Miller, 2003). Sorotan literatur dalam tradisi akademik moden berfungsi sebagai medan sintesis ilmu yang menghubungkan penyelidikan terdahulu dengan persoalan kajian semasa. Ia bukan sekadar menginventorikan sumber tetapi menilai, membanding dan mengkritik dapatan kajian lepas secara sistematik (Langer, 1990). Dalam konteks Pengajian Islam, fungsi ini menjadi lebih signifikan kerana disiplin ini berakar pada khazanah turath yang luas dan berlapis, di samping berinteraksi dengan wacana kontemporari yang dinamik. Justeru, sorotan literatur yang mantap memerlukan kemahiran pemetaan epistemologi, keupayaan analisis perbandingan serta kefahaman terhadap hierarki sumber dalam tradisi ilmu Islam (Nasir et al., 2020; Salleh et al, 2025).

Walau bagaimanapun, realiti pedagogi di peringkat pasca siswazah memperlihatkan bahawa sebahagian pelajar masih menghadapi kesukaran dalam menyusun sorotan literatur secara analitik dan berstruktur (Finnegan, 2005). Sorotan literatur sering dipersembahkan dalam bentuk ringkasan berturutan mengikut nama penulis atau tahun penerbitan tanpa pengelompokan tematik yang jelas. Selain itu, jurang kajian tidak dinyatakan secara eksplisit dan hubungan antara kajian lepas dengan objektif penyelidikan semasa tidak dihuraikan secara kritikal (Paul, 2020). Keadaan ini menunjukkan bahawa aspek metodologi sorotan literatur masih memerlukan pengukuhan khususnya melalui instrumen atau panduan yang sistematik.

Tambahan pula dalam bidang Pengajian Islam, integrasi antara sumber klasik dan kontemporari sering tidak dilakukan secara seimbang. Ada kajian yang terlalu bergantung kepada teks turath tanpa dialog dengan kajian semasa manakala sebahagian yang lain menekankan kajian moden tanpa analisis mendalam terhadap akar tradisi klasik. Ketiadaan struktur yang jelas dalam menyusun literatur menyumbang kepada jurang integrasi ini. Hal ini secara tidak langsung menjejaskan kekuatan justifikasi akademik dan kedudukan penyelidikan dalam landskap keilmuan yang lebih luas (Shah & Rahman, 2014; Salleh et al, 2025).

Sehubungan itu, pembangunan satu template sorotan literatur yang khusus dan kontekstual bagi Pengajian Pasca Siswazah Pengajian Islam dilihat sebagai satu keperluan strategik. Template tersebut berpotensi menjadi alat pedagogi yang membantu pelajar mengenal pasti tema utama, memetakan pendekatan metodologi, membandingkan pandangan klasik dan kontemporari serta mensintesis jurang kajian secara sistematik. Dalam masa yang sama, ia dapat membantu penyelia menilai tahap analisis literatur secara lebih objektif dan konsisten. Oleh yang demikian, latar belakang kajian ini berasaskan keperluan untuk memperkukuh struktur dan kualiti sorotan literatur dalam penyelidikan pasca siswazah Pengajian Islam melalui pembangunan satu template yang berfungsi sebagai kerangka analitik dan instrumen sistematik. Pendekatan ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembudayaan penyelidikan yang lebih tersusun, kritikal dan bersepadu dalam tradisi keilmuan Islam kontemporari (Hussin et al., 2021; Salleh et al, 2025).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sorotan literatur merupakan komponen teras dalam struktur tesis pasca siswazah kerana ia menentukan kekuatan justifikasi akademik, kedudukan kajian dalam tradisi keilmuan serta kejelasan jurang penyelidikan. Namun demikian, dalam konteks Pengajian Islam, penyusunan sorotan literatur masih memperlihatkan beberapa kelemahan metodologi yang signifikan. Kelemahan ini bukan sekadar bersifat teknikal bahkan mencerminkan isu struktur dalam latihan penyelidikan dan pembudayaan analisis kritikal. Pertama, sorotan literatur sering disusun secara deskriptif dan bersifat inventori. Pelajar cenderung meringkaskan pandangan sarjana secara berturutan tanpa pengelompokan tematik yang sistematik atau sintesis konseptual yang mendalam. Pendekatan ini menyebabkan sorotan literatur gagal berfungsi sebagai medan analisis kritikal, sebaliknya menjadi kompilasi maklumat yang terpisah (Salleh et al, 2025).

Kedua, aspek pengenalpastian jurang kajian (*research gap*) tidak dihuraikan secara eksplisit dan berstruktur. Dalam banyak keadaan, jurang kajian hanya dinyatakan secara umum tanpa sokongan analisis terhadap kecenderungan metodologi, fokus tema atau kekangan kontekstual kajian terdahulu. Ketiadaan kerangka yang jelas untuk mensintesis jurang menyebabkan objektif kajian baharu kelihatan tidak berakar pada wacana ilmiah yang mantap. Ketiga, dalam disiplin Pengajian Islam yang berasaskan tradisi turath dan wacana kontemporari, integrasi antara sumber klasik dan kajian semasa sering tidak berlaku secara analitik. Sebahagian sorotan literatur menampilkan teks klasik secara normatif tanpa perbandingan dengan pendekatan metodologi moden manakala sebahagian yang lain memfokuskan kajian kontemporari tanpa analisis kritikal terhadap asas epistemologi klasik. Ketiadaan struktur penyusunan yang jelas menyumbang kepada dualisme ini (Salleh et al, 2025).

Keempat, dari sudut pedagogi penyelidikan, tiada template khusus yang kontekstual bagi Pengajian Islam untuk membimbing pelajar menyusun sorotan literatur secara sistematik.

Kebanyakan panduan yang digunakan bersifat umum dan berasaskan disiplin sains sosial moden, tanpa mengambil kira hierarki sumber, autoriti teks serta tradisi analisis dalam ilmu-ilmu Islam. Hal ini menimbulkan jurang antara keperluan disiplin dengan instrumen metodologi yang tersedia. Sehubungan itu, timbul persoalan utama: Bagaimanakah satu template sorotan literatur yang berstruktur dan kontekstual boleh dibangunkan bagi memperkukuh kualiti analisis literatur dalam kalangan pelajar pasca siswazah Pengajian Islam? Persoalan ini menjadi signifikan memandangkan sorotan literatur yang lemah bukan sahaja menjejaskan mutu tesis secara individu, bahkan memberi implikasi terhadap pembinaan tradisi penyelidikan Islam yang lebih sistematik, analitik dan bersepadu (Ibrahim et al., 2023; Hosni et al., 2023). Oleh yang demikian, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan satu Template Sorotan Literatur khusus bagi Pengajian Pasca Siswazah Pengajian Islam yang berfungsi sebagai instrumen metodologi dan pedagogi. Tanpa struktur yang jelas, usaha memperkasakan kualiti penyelidikan dalam bidang ini akan terus berhadapan dengan isu pengulangan, kelemahan sintesis dan ketidakjelasan jurang kajian (Habidin, 2023; Salleh et al, 2025).

### **KERANGKA KONSEPTUAL TEMPLATE SOROTAN LITERATUR BAGI PENGAJIAN PASCA SISWAZAH PENGAJIAN ISLAM**

Kerangka konseptual Template Sorotan Literatur bagi Pengajian Pasca Siswazah Pengajian Islam (TSL-PI) dibangunkan berasaskan keperluan untuk memperkukuh struktur analisis literatur dalam disiplin yang mempunyai tradisi epistemologi tersendiri. Berbeza dengan bidang sains sosial moden yang lazimnya berasaskan sumber jurnal empirikal semata-mata, Pengajian Islam melibatkan interaksi antara sumber wahyu, khazanah turath, ijthad ulama serta kajian kontemporari. Justeru, pembangunan suatu template sorotan literatur yang kontekstual perlu mengambil kira hierarki sumber, pendekatan analisis serta orientasi metodologi yang selaras dengan tradisi ilmu Islam. Secara konseptual, TSL-PI diasaskan kepada tiga landasan utama, iaitu epistemologi ilmu Islam, teori sintesis literatur moden dan pedagogi penyelidikan berstruktur. Dari sudut epistemologi, kerangka ini mengiktiraf kewujudan hierarki sumber yang mempengaruhi pembinaan hujah akademik. Sumber asasi seperti al-Qur'an dan al-Sunnah menjadi rujukan tertinggi, diikuti karya turath dalam bidang tafsir, hadis, fiqh dan usul seterusnya disokong oleh kajian kontemporari serta penyelidikan empirikal semasa. Pengiktirafan terhadap struktur hierarki ini memastikan sorotan literatur tidak disusun secara rawak, sebaliknya berpandukan prinsip autoriti ilmu dalam tradisi Islam.

Dari sudut metodologi moden, kerangka ini mengintegrasikan pendekatan sintesis literatur yang menekankan pengelompokan tematik, analisis perbandingan dan pengenalpastian jurang kajian. Sorotan literatur tidak lagi difahami sebagai ringkasan kronologi berdasarkan tahun penerbitan tetapi sebagai proses analitik yang mengelompokkan perbincangan mengikut tema utama, kecenderungan metodologi dan orientasi pemikiran. Melalui pendekatan tematik ini, pelajar dapat mengenal pasti pola wacana, perkembangan idea serta pergeseran pendekatan dalam sesuatu bidang kajian. Komponen utama dalam kerangka TSL-PI bermula dengan pemetaan sumber ilmu. Pada tahap ini, pelajar digalakkan mengenal pasti kategori sumber yang dirujuk serta kedudukannya dalam hierarki epistemologi. Pemetaan ini bertujuan membentuk kesedaran metodologi bahawa tidak semua sumber mempunyai tahap autoriti yang sama, sekali gus membantu pelajar menyusun keutamaan hujah secara lebih tersusun.

Seterusnya, literatur yang telah dipetakan dianalisis melalui pengelompokan tematik. Tema-tema utama dikenal pasti berdasarkan fokus perbincangan seperti aspek konseptual, pendekatan

metodologi, konteks aplikasi atau dimensi perbandingan. Pengelompokan ini membolehkan sorotan literatur disusun secara sistematik dan mengelakkan pengulangan idea yang bersifat berasingan. Dalam konteks Pengajian Islam, pendekatan ini juga membuka ruang untuk membandingkan pandangan klasik dan kontemporari dalam kerangka yang lebih analitik. Komponen ketiga melibatkan analisis perbandingan dan kritikal. Pada tahap ini, pelajar bukan sahaja menghuraikan dapatan kajian terdahulu tetapi menilai kekuatan dan kelemahannya dari sudut metodologi, konteks dan implikasi teoretikal. Analisis ini penting bagi mengelakkan sorotan literatur bersifat deskriptif semata-mata. Dalam disiplin Islam, analisis perbandingan turut melibatkan dialog antara turath dan wacana semasa, agar kesinambungan tradisi ilmu dapat difahami secara lebih komprehensif.

Komponen terakhir ialah sintesis jurang kajian. Berdasarkan pemetaan sumber, pengelompokan tematik dan analisis kritikal, pelajar merumuskan jurang kajian secara sistematik. Jurang tersebut boleh berbentuk jurang teoretikal, metodologi, kontekstual atau aplikasi. Sintesis ini menjadi asas pembinaan persoalan kajian dan objektif penyelidikan yang lebih jelas serta berakar pada wacana ilmiah sedia ada. Secara keseluruhannya, kerangka konseptual TSL-PI memposisikan sorotan literatur sebagai proses analitik bertahap yang bermula dengan pemetaan epistemologi dan berakhir dengan pembentukan justifikasi kajian. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh struktur penulisan tesis pasca siswazah, bahkan menyumbang kepada pembudayaan penyelidikan yang lebih tersusun, kritikal dan bersepadu dalam tradisi keilmuan Islam kontemporari.


### **TEMPLATE SOROTAN LITERATUR PENGAJIAN PASCA SISWAZAH PENGAJIAN ISLAM (TSL-PI)**

Template Sorotan Literatur Pengajian Pasca Siswazah Pengajian Islam (TSL-PI) dibangunkan sebagai satu kerangka berstruktur yang berfungsi memperkukuh kualiti analisis literatur dalam kalangan pelajar sarjana dan doktor falsafah bidang Pengajian Islam. Template ini dirangka dengan mengambil kira keunikan epistemologi ilmu Islam serta keperluan metodologi penyelidikan kontemporari agar sorotan literatur tidak lagi bersifat deskriptif semata-mata tetapi menjadi medan sintesis ilmu yang kritikal dan bersepadu. Secara asasnya, TSL-PI menekankan bahawa sorotan literatur ialah suatu proses analitik bertahap yang bermula dengan pemetaan sumber dan berakhir dengan pembentukan justifikasi kajian. Tahap pertama dalam template ini ialah pemetaan sumber ilmu. Dalam konteks Pengajian Islam, literatur tidak boleh dilihat sebagai kumpulan rujukan yang homogen sebaliknya perlu difahami berdasarkan hierarki epistemologi. Sumber wahyu seperti al-Qur'an dan al-Sunnah berada pada kedudukan tertinggi, diikuti karya turath dalam bidang tafsir, hadis, fiqh dan usul, serta disokong oleh kajian kontemporari, penulisan empirikal dan dokumen fatwa atau polisi agama. Pemetaan ini penting bagi memastikan pelajar memahami struktur autoriti ilmu sebelum melakukan analisis lanjut.

Tahap kedua ialah pengelompokan tematik literatur. Setelah sumber dikenal pasti dan dipetakan, literatur dianalisis mengikut tema utama yang relevan dengan fokus kajian. Pendekatan tematik ini bertujuan mengelakkan susunan sorotan secara kronologi yang bersifat ringkasan berturutan. Melalui pengelompokan tema, pelajar dapat mengenal pasti kecenderungan perbincangan, perbezaan pendekatan serta arah perkembangan wacana dalam sesuatu bidang. Dalam disiplin Pengajian Islam, tema boleh dibentuk berdasarkan dimensi konseptual, metodologi, konteks geografi atau aplikasi praktikal. Tahap ketiga dalam TSL-PI

ialah analisis perbandingan dan kritikal. Pada tahap ini, sorotan literatur tidak lagi terhenti pada huraian dapatan, tetapi melibatkan penilaian terhadap kekuatan dan kelemahan kajian terdahulu. Analisis ini termasuk perbandingan antara pandangan turath dan sarjana kontemporari, penilaian pendekatan metodologi yang digunakan, serta pertimbangan terhadap batasan kajian lepas. Komponen ini amat signifikan dalam Pengajian Islam kerana ia membuka ruang dialog antara tradisi klasik dan realiti semasa secara lebih analitik dan reflektif.

Tahap keempat ialah sintesis jurang kajian. Berdasarkan pemetaan sumber, pengelompokan tematik dan analisis kritikal, pelajar seterusnya merumuskan jurang kajian secara sistematik. Jurang tersebut boleh dikenal pasti dalam bentuk jurang teoretikal, metodologi, kontekstual atau aplikasi. Sintesis ini menjadi asas kepada pembinaan persoalan kajian dan objektif penyelidikan yang jelas serta berakar pada perbincangan ilmiah sedia ada. Tanpa sintesis jurang yang mantap, kajian baharu berisiko mengulangi dapatan terdahulu atau gagal menyumbang kepada pengembangan ilmu. Akhirnya, keseluruhan proses dalam TSL-PI membawa kepada pembentukan justifikasi dan objektif kajian. Justifikasi tidak lagi bersifat umum atau retorik, tetapi lahir daripada analisis sistematik terhadap literatur yang telah disusun dan dinilai. Dengan pendekatan ini, sorotan literatur berfungsi sebagai asas argumentasi akademik yang kukuh serta menjadi jambatan antara tradisi ilmu Islam dengan keperluan penyelidikan kontemporari. Secara keseluruhannya, TSL-PI memposisikan sorotan literatur sebagai proses epistemologi dan metodologi yang bersepadu. Template ini bukan sahaja membantu pelajar membina analisis yang tersusun dan kritikal, malah menyumbang kepada pembudayaan penyelidikan yang lebih sistematik dalam bidang Pengajian Islam. Dengan adanya kerangka ini, sorotan literatur dapat berfungsi sebagai tapak pembinaan wacana ilmiah yang matang, reflektif dan kontekstual.



Jadual 1: Hierarki Ilmu berdasarkan TSL-PI

## IMPLIKASI PEDAGOGI DAN SUMBANGAN KAJIAN

### Implikasi Pedagogi

Pembangunan Template Sorotan Literatur Pengajian Pasca Siswazah Pengajian Islam (TSL-PI) mempunyai implikasi pedagogi yang signifikan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran metodologi penyelidikan di peringkat sarjana dan doktor falsafah. Secara asasnya, template ini berfungsi sebagai instrumen *scaffolding* yang membantu pelajar membina kemahiran analisis literatur secara bertahap dan sistematik. Dalam realiti pengajian pasca siswazah, kelemahan utama pelajar bukan terletak pada kekurangan sumber, tetapi pada ketidakupayaan menyusun dan mensintesis literatur secara kritikal. TSL-PI menyediakan kerangka berstruktur yang membimbing proses tersebut daripada pemetaan sumber hingga kepada sintesis jurang kajian.

Dari sudut pengajaran, template ini boleh diintegrasikan dalam kursus Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam sebagai latihan berfasa. Pensyarah boleh membimbing pelajar mengenal pasti hierarki sumber, membentuk tema perbincangan dan menjalankan analisis perbandingan secara berperingkat sebelum merumuskan jurang kajian. Pendekatan ini selaras dengan pedagogi pembelajaran berpusatkan pelajar, kerana pelajar dilatih untuk membina struktur analisis sendiri berdasarkan kerangka yang disediakan, bukannya bergantung sepenuhnya kepada contoh tesis terdahulu. Selain itu, TSL-PI membantu memperkukuh kemahiran berfikir aras tinggi (*higher order thinking skills*) dalam kalangan pelajar. Proses pengelompokan tematik dan analisis kritikal menuntut kemahiran menilai, membanding dan mensintesis maklumat. Dalam konteks Pengajian Islam, kemahiran ini amat penting bagi mengelakkan kecenderungan mengutip pandangan tanpa analisis atau menerima autoriti teks secara literal tanpa dialog dengan realiti semasa. Dengan adanya struktur yang jelas, pelajar didorong untuk melihat literatur sebagai wacana yang hidup dan dinamik.

Implikasi pedagogi seterusnya ialah dari sudut penilaian dan penyeliaan. TSL-PI boleh dijadikan asas pembinaan rubrik penilaian sorotan literatur yang lebih objektif dan konsisten. Penyelia dapat menilai tahap kejelasan pemetaan sumber, kekuatan analisis tematik, ketajaman perbandingan kritikal serta kejelasan sintesis jurang kajian. Hal ini berpotensi mengurangkan subjektiviti dalam penilaian dan meningkatkan standard akademik tesis pasca siswazah. Tambahan pula, penggunaan template ini boleh menyumbang kepada pembudayaan penulisan akademik yang lebih tersusun dalam kalangan pelajar Pengajian Islam. Apabila struktur analisis menjadi kebiasaan dalam latihan awal, pelajar akan lebih cenderung menghasilkan penulisan yang koheren dan berasaskan hujah yang jelas dalam keseluruhan tesis mereka.

### Sumbangan Kajian

Dari sudut teoretikal, kajian ini menyumbang kepada pengembangan metodologi penyelidikan dalam bidang Pengajian Islam dengan memperkenalkan satu model sorotan literatur yang berasaskan epistemologi Islam. Berbeza dengan template umum dalam sains sosial, TSL-PI mengambil kira hierarki sumber dan integrasi antara turath dan kajian kontemporari. Hal ini memperkukuh kedudukan disiplin Pengajian Islam sebagai bidang ilmu yang mempunyai kerangka metodologi tersendiri, namun tetap terbuka kepada pendekatan analitik moden. Dari sudut metodologi, kajian ini menawarkan satu instrumen berstruktur yang boleh diaplikasikan secara praktikal dalam penyediaan tesis. Template yang dicadangkan bukan sahaja bersifat konseptual, tetapi boleh diterjemahkan dalam bentuk jadual kerja, panduan penulisan dan rubrik

penilaian. Dengan itu, ia berfungsi sebagai jambatan antara teori metodologi dan amalan sebenar dalam penulisan akademik.

Dari sudut pedagogi, sumbangan utama kajian ini ialah menyediakan satu model intervensi akademik yang boleh meningkatkan kualiti sorotan literatur pelajar pasca siswazah. Dalam jangka panjang, penggunaan template ini berpotensi mengurangkan isu pengulangan kajian, kelemahan sintesis dan ketidakjelasan jurang penyelidikan yang sering dikenal pasti dalam penilaian tesis. Akhir sekali, kajian ini menyumbang kepada pembinaan budaya penyelidikan yang lebih sistematik dan reflektif dalam bidang Pengajian Islam. Dengan memperkukuh struktur sorotan literatur, penyelidikan dalam bidang ini dapat diposisikan secara lebih jelas dalam landskap akademik yang lebih luas, sekali gus meningkatkan daya saing dan kebolehterimaan kajian di peringkat antarabangsa.

## **KESIMPULAN**

Sorotan literatur merupakan komponen fundamental dalam penyelidikan pasca siswazah kerana ia menentukan kekuatan justifikasi akademik serta kedudukan sesuatu kajian dalam tradisi keilmuan yang sedia ada. Dalam konteks Pengajian Islam, fungsi ini menjadi lebih signifikan memandangkan disiplin ini berasaskan tradisi epistemologi yang berhierarki serta melibatkan interaksi antara sumber wahyu, karya turath dan wacana kontemporari. Namun demikian, amalan sorotan literatur dalam kalangan pelajar pasca siswazah masih memperlihatkan kecenderungan deskriptif dan kurang sintesis analitik yang sistematik. Artikel ini telah membangunkan Template Sorotan Literatur Pengajian Pasca Siswazah Pengajian Islam (TSL-PI) sebagai satu kerangka konseptual dan pedagogi yang berstruktur. Template ini menekankan empat komponen utama, iaitu pemetaan sumber ilmu berdasarkan hierarki epistemologi, pengelompokan tematik literatur, analisis perbandingan dan kritikal, serta sintesis jurang kajian. Keseluruhan proses ini membawa kepada pembentukan justifikasi dan objektif kajian yang lebih jelas dan berasaskan analisis ilmiah yang mantap.

Secara teoretikal, TSL-PI menyumbang kepada pengukuhan metodologi penyelidikan dalam Pengajian Islam dengan mengintegrasikan tradisi ilmu Islam dan pendekatan sintesis literatur moden dalam satu kerangka yang koheren. Secara pedagogi, template ini berpotensi menjadi instrumen scaffolding yang membantu pelajar membina kemahiran analisis literatur secara bertahap, sekali gus meningkatkan kualiti penulisan tesis. Dari sudut praktikal, ia boleh dijadikan panduan kerja dan asas pembinaan rubrik penilaian yang lebih objektif dalam penyeliaan pasca siswazah. Kesimpulannya, pengukuhan struktur sorotan literatur melalui kerangka bersepadu seperti TSL-PI bukan sekadar menambahbaik teknik dalam penulisan tesis, tetapi merupakan usaha strategik untuk membudayakan penyelidikan yang lebih sistematik, kritikal dan reflektif dalam bidang Pengajian Islam. Pada masa hadapan, model ini wajar diuji secara empirikal melalui kajian tindakan pedagogi atau analisis kandungan tesis bagi menilai keberkesanan dan kebolehlaksanaannya secara lebih menyeluruh.

## **RUJUKAN**

- Denney, A. S., & Tewksbury, R. (2013). How to write a literature review. *Journal of criminal justice education*, 24(2), 218-234.
- Finnegan, R. H. (2005). The how of literature. *Oral Tradition*, 20(2), 164-187.

- Habidin, N. F., Chik, T. W. T., & Muhamad, U. A. (2023). Isu-isu penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial di Malaysia. *Kaizentrenovation Sdn Bhd*.
- Hosni, A., Ariffin, M. F. M., & Ishak, H. (2023). Editorial Notes: Isu Dan Cabaran Chatgpt Terhadap Pengajian Islam. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 8(1).
- Hussin, H., Amran, N. N., Rahman, N. F. A., Ismail, A., & Zakaria, Z. (2021). Amalan pentaksiran alternatif dalam program pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19. *Islamiyyat*, 43(1), 3-14.
- Ibrahim, M., Majid, L.A., Kadir, M.N.A & Othman, M.F. (2013). Pengajian Islam Di IPT Malaysia dalam Menangani Islam Liberal. *Jurnal Hadhari*, 5(1), 37-53.
- Knopf, J. W. (2006). Doing a literature review. *PS: Political Science & Politics*, 39(1), 127-132.
- Langer, J. A. (1990). Understanding literature. *Language arts*, 67(8), 812-816.
- Lim, W. M., Kumar, S., & Ali, F. (2022). Advancing knowledge through literature reviews: 'what', 'why', and 'how to contribute'. *The Service Industries Journal*, 42(7-8), 481-513.
- Miller, J. H. (2003). *On literature*. Routledge.
- Nasir, K., Razaki, M. M., & Kamaruzaman, A. R. (2020). Penerbitan jurnal bidang Pengajian Islam di Malaysia: Suatu sorotan terhadap pangkalan data Myjurnal: Journal of Islamic Studies in Malaysia: A highlights of the Myjurnal database. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 347-355.
- Paul, J., & Criado, A. R. (2020). The art of writing literature review: what do we know and what do we need to know?. *International business review*, 29(4), 101717.
- Salleh, M. Y.Y., Hassan, P., Zainal Abidin, M. Z. H., Abd. Razak, M. I., & Abdullah, K. (2025). Penggunaan templat masalah kajian sebagai alat pedagogi dalam penyelidikan pasca siswazah pengajian Islam: Satu analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 10(73), 167-176.
- Shah, M. F. M., & Rahman, N. N. A. (2014). Kepentingan kaedah penyelidikan moden dalam fatwa semasa. *Journal of Fatwa Management and Research*, 4(1), 67-90.
- Shahrizal, M. A. S., Shahrudin, S. N. B., Arif, N. A. H. M., Yusoff, N. N. M., & Salaeh, A. (2024). Pengajian Hadis Era Revolusi Industri 4.0: Isu dan Cabaran: Hadith Studies in the Era of Fourth Industrial Revolution: Issues and Challenges. *Ma 'ālim al-Qur 'ān wa al-Sunnah*, 20(2), 274-286.
- Susilawati, A., Al-Obaidi, A. S. M., Abduh, A., Irwansyah, F. S., & Nandiyanto, A. B. D. (2025). How to do research methodology: From literature review, bibliometric, step-by-step research stages, to practical examples in science and engineering education. *Indonesian Journal of Science and Technology*, 10(1), 1-40.
- Wee, B. V., & Banister, D. (2016). How to write a literature review paper?. *Transport reviews*, 36(2), 278-288.

**Lampiran 1**

# TEMPLATE SOROTAN LITERATUR PENGAJIAN PASCA SISWAZAH PENGAJIAN ISLAM (TSL-PI)

**Arahan:**

Template ini digunakan untuk membimbing pelajar pasca siswazah menyusun sorotan literatur secara sistematik, analitik dan berasaskan epistemologi ilmu Islam.

## BAHAGIAN A: PEMETAAN SUMBER DAN HIERARKI EPISTEMOLOGI

<i>Kategori Sumber</i>	<i>Contoh Karya</i>	<i>Fokus Perbincangan</i>	<i>Kedudukan Autoriti</i>	<i>Relevansi dengan Kajian</i>
<i>al-Qur'an dan al-Sunnah</i>				
<i>Turath (Tafsir/Fiqh/Hadis/Usul)</i>				
<i>Sarjana Kontemporari</i>				
<i>Kajian Empirikal</i>				
<i>Fatwa / Polisi Agama</i>				

## BAHAGIAN B: PENGELOMPOKAN TEMATIK LITERATUR

<i>Tema Utama</i>	<i>Penulis</i>	<i>Tahun</i>	<i>Metodologi</i>	<i>Dapatan Utama</i>	<i>Kekuatan</i>	<i>Kelemahan</i>

## BAHAGIAN C: ANALISIS PERBANDINGAN TURATH DAN KONTEMPORARI

<i>Isu Kajian</i>	<i>Pandangan Turath</i>	<i>Pandangan Kontemporari</i>	<i>Persamaan</i>	<i>Perbezaan</i>	<i>Analisis Kritikal</i>

## BAHAGIAN D: ANALISIS METODOLOGI KAJIAN LEPAS

<i>Penulis</i>	<i>Reka Bentuk Kajian</i>	<i>Instrumen</i>	<i>Sampel / Korpus</i>	<i>Limitasi</i>	<i>Ruang Penambahbaikan</i>

## BAHAGIAN E: SINTESIS JURANG KAJIAN (HURAIAN ANALITIK)

1. Jurang Teoretikal:
2. Jurang Metodologi:
3. Jurang Kontekstual:
4. Jurang Aplikasi: